

Headline	Malaysia anjur sidang bincang kepelbagaian bio Hutan Belum		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jul 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	16	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	212 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,834
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,502



Malaysia anjur sidang bincang kepelbagaian bio Hutan Belum

Kuala Lumpur: Malaysia komited mencari jalan penyelesaian perubahan alam sekitar dan hidupan liar melalui penganjuran pertama Persidangan Antarabangsa Konservasi Dan Kestabilan Hutan Hujan Tropika, Belum Rainforest Summit (BRainS2016) pada 17 hingga 22 Oktober depan.

Persidangan diadakan dengan kerjasama Yayasan Pulau Banding (PBF), Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kerajaan Perak, Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), Persatuan Pencinta Alam (MNS), Majlis Kayu Malaysia dan Konservasi Belum Malaysia.

Pengarah Eksekutif Emkay Group, Ahmad Khalif Mustapha Kamal, berkata kerjasama berkenaan turut mendapat sokongan Kesatuan Antarabangsa Pertubuhan Penyelidikan Hutan (IUFRO) di Vienna, Austria.

Beliau berkata, pihaknya yakin

kerjasama berkenaan berupaya mendorong perkongsian pintar pengurusan hutan dengan penyelidikan tempatan dan antarabangsa, agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), agensi media serta orang ramai.

"Kami mengajak semua pihak menyumbang idea dan memainkan peranan bagi mengekalkan keseimbangan kepelbagaian bio hutan berusia 130 juta tahun di negara kita, sekali gus memastikan masalah pemanasan global, fenomena El Nino serta ribut taufan tidak dijangka, terkawal.

Syor pelan polisi pengurusan hutan

"Selain itu, kami bercadang mewujudkan satu deklarasi atau pelan polisi pengurusan hutan bagi menyokong Deklarasi Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada tahun 1992," katanya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Penasihat BRainS2016, Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor; Ketua Pegawai Eksekutif PBF, Datuk Dr Abdul Rashid Ab Malik; Ketua Pegawai Eksekutif TechAdviser, Dr Daniel Baskaran dan Presiden MNS, Henry Goh.

Ahmad Khalif berkata, pihaknya menyeru individu, NGO atau institusi berkepentingan menaja kerjasama itu, sekali gus menyertai pelaburan pengurusan hutan untuk jangka panjang.

"Kita sudah membelanjakan kira-kira RM100 juta untuk tujuan ini (deklarasi), selain lebih RM20 juta kolaborasi bersama NGO untuk tujuan konservasi dan sedang melobi sokongan agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," katanya.

Sementara itu, Henry berkata, negara mengalami kepupusan beberapa spesies haiwan liar seperti harimau Malaya (Malayan Tiger), gajah dan tapir.

Headline	Malaysia anjur sidang bincang kepelbagaian bio Hutan Belum		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Jul 2016	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	16	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	212 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,834
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,502



Info

BRainS2016

→ **Persidangan** Antarabangsa Konservasi Dan Kestabilan Hutan Hujan Tropika pertama.

→ **Anjuran kerjasama Yayasan Pulau Banding (PBF)** dengan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Kerajaan Negeri Perak, Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), Persatuan Pencinta Alam Sekitar (MNS), Majlis Kayu Malaysia dan Konservasi Belum Malaysia.